

TARIKH	2 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	9	RUANGAN	Nasional

Persiapan terakhir kuota bakal haji

IPOH – Kerajaan Pusat sedang dalam persiapan terakhir penyelarasan kuota bakal haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, persediaan termasuk bangunan, makanan dan penyediaan penerbangan siap disusun.

Menurutnya, Tabung Haji juga difahamkan akan ke Arab Saudi bagi menyerahkan surat bagi memohon kuota diteruskan sebagaimana biasa.

“Secara keseluruhannya, kita dalam persiapan terakhir untuk penyelarasan kuota haji dan difahamkan, 930,000 jemaah dalam senarai menunggu kita.

“Kita juga difahamkan Pengarah Operasi Tabung Haji, Syed Saleh Syed Abdul Rahman akan serah surat menuntut komitmen agar kuota ditetapkan untuk jemaah haji negara kita tidak disentuh dan dibiarkan seperti biasa,” katanya sempena Seminar Pemahaman Wasatiyyah dan Gagasan 1 Malaysia di Institut Tadbiran Islam (Intim), semalam.

Katanya, Tabung Haji beri keutamaan jemaah mendaftar dahulu, orang kurang upaya (OKU), pengiring jemaah (mahram) serta warga emas.



JAMIL KHIR